

Lebih 3,000 lagi keluarga asnaf baharu di Terengganu

MAIDAM giat daftar penerima bantuan terkesan akibat kos sara hidup meningkat

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menjangkakan berlaku penambahan lebih 3,000 keluarga baharu asnaf fakir dan miskin di negeri ini, berikutan kesan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Prof Madya Dr Ahmad Azrin Adnan, berkata dalam rekod MAIDAM kini terdapat seramai 21,197 penerima bantuan dan pihaknya sedang giat mendaftar asnaf baharu yang dijang-

ka akan mencecah hingga 25,000 orang keseluruhan selepas ini.

Menurutnya, kesan ekonomi mengakibatkan berlaku inflasi hingga kuasa beli turut menurun dan memberi tempias terutama kepada golongan yang tiada pendapatan tetap.

RM120 juta bantuan diagih

“Dalam tempoh enam bulan tahun ini, MAIDAM sudah mengagihkan sejumlah RM120 juta bantuan kepada asnaf fakir dan miskin di negeri ini.

“Sasaran pungutan zakat untuk tahun ini sebanyak RM236 juta, manakala tahun lalu MAIDAM memperoleh RM205 juta,” katanya ketika melakukan lawatan dan agihan bantuan kepada mangsa ribut di Kampung Kolam, di sini, semalam.

Beliau berkata, MAIDAM juga memperuntukkan RM23 juta dan akan diagihkan secara sekali bayar kepada asnaf pada bulan depan dengan jumlah antara RM800 hingga RM1,000 bergantung ke-



Dr Ahmad Azrin (kanan) menyampaikan bantuan kepada keluarga yang terkesan akibat ribut di Kampung Kolam, semalam.

pada isi rumah.

Katanya, bantuan berkenaan bagi meringankan beban asnaf, berikutan peningkatan kos sara hidup dan peruntukan terbabit tidak termasuk dalam jumlah agihan RM120 juta yang sudah diberikan kepada asnaf.

Beliau berkata, MAIDAM kini memberi tumpuan bagi memperkasakan bantuan bulanan kepada asnaf dan tidak lagi menumpukan kepada bantuan sara

hidup (setahun sekali).

“Sebagai contoh, penerima menerima RM2,000 setahun namun bantuan yang diberikan itu dilihat tidak bertahan lama dan dalam tempoh satu dua bulan ia akan habis digunakan.

“Bantuan bulanan dengan meningkatkan jumlah amaun mengikot isi rumah dilihat lebih efisien dalam membantu golongan asnaf dan bukannya bantuan setahun sekali,” katanya.